



WAJAH KEHIDUPAN

SEMALAM, Wajah Kehidupan memaparkan kehidupan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar yang cecak dalam menyahut cabaran sebagai pelajar tahfiz dua aliran.

Kehebatan mereka ini cukup terserlah kerana bukan saja mampu menghafaz juzuk al-Quran, sebaliknya turut mencatatkan keputusan cemerlang dalam subjek teras Kemahiran Bersepadu Sekolah Malaysia (KBSM).

Hari ini, fokus beralih kepada pelajar di Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP), Tanjung Lumpur untuk menjawab persoalan memilih untuk menjadi al-hafiz.

Fasih cakap Arab, Inggeris

Metro 6/8/12 MS 18.


Tepis stigma negatif masyarakat lulusan tahfiz hanya pandai agama

FOTO | Afif abd Halim

>>Oleh Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz
rnorain@hmetro.com.my

KUANTAN: Fasih dalam bahasa Arab dan Inggeris. Itu kelebihan pelajar Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) berbanding pelajar sekolah tahfiz lain.

Melangkah masuk ke pe-



TEKUN....pelajar tingkatan tiga MTNP khusyuk mengikut sesi pembelajaran.

karangan seorang pelajar ini, jangan terkejut jika melihat semua warganya hanya bertutur dalam bahasa Arab atau Inggeris berikutan ia menjadi kebiasaan bagi mereka demi memperkasakan lagi penguasaan dalam bahasa berkenaan.

Kehebatan pelajar ini secara secara tidak langsung menepis stigma negatif masyarakat terhadap lulusan tahfiz yang sebelum ini dianggap mempunyai kebolehan terhad dalam bidang agama saja.

Pengarahnya, Datuk Zulkifli Ali berkata, visi MTNP cukup jelas iaitu mahu melahirkan pemimpin masa depan dan pihaknya mempersiapkan pelajar dengan pelbagai aspek termasuk akademik dan tidak hanya memberi penekanan terhadap agama semata-mata.

Katanya, sistem pembelajaran MTNP berpandukan tiga aspek Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam melahirkan modal insan yang cemerlang iaitu kecemerlangan akademik, al-Quran dan kurikulum.

"Pelajar perlu mempunyai ketiga-tiga kriteria itu sepanjang berada di maahad ini bagi memastikan mereka mampu bersaing dan melanjutkan pelajaran pada peringkat tertinggi apabila keluar dari sini kelak.

"Kami mempersiapkan me-



GIGIH TIMBA ILMU...pelajar mengulang kaji di waktu lapang.

reka dengan keseimbangan ilmu yang seimbang supaya boleh menceburi bidang profesional walaupun mereka lulusan tahfiz," katanya ketika ditemui di MTNP.

Menurutnya, seramai 250 pelajar maahad berkenaan termasuk jurusan Diploma Tahfiz diwajibkan untuk menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa asing iaitu Inggeris dan Arab, malah mereka juga dinilai dari segi

kefasihannya dalam kedua-dua bahasa itu.

Katanya, kemampuan pelajar menguasai bahasa asing itu akan memberi nilai tambah kepada mereka, malah pihaknya juga bercadang untuk menambah lagi subjek bahasa asing bagi memantapkan pelajarannya.

Hampir setiap hari pelajar akan menyertai pidato dalam bahasa Inggeris dan Arab bagi membiasakan mereka ber-

tutur dalam kedua-dua bahasa itu dan pada masa sama dapat meningkatkan keyakinan pelajar.

Melihat kepada pencapaian pelajarannya dalam peperiksaan utama, MTNP mampu berbangga apabila sering tersenarai antara sekolah cemerlang bukan saja di negeri ini, malah di peringkat kebangsaan.

Zulkifli berkata, tiada petua khusus dalam mengekalkan

kecemerlangan itu melainkan kesungguhan, kegigihan serta semangat kerja berkumpulan yang ditunjukkan semua pihak di sekolah berkenaan secara tidak langsung mendorong mereka mencapai kecemerlangan.

Sebagai contoh, katanya, jika ada segelintir pelajar yang kurang cemerlang dalam bidang akademik, tenaga pengajar akan memberi perhatian khusus dan cuba membimbing mereka supaya dapat mencapai keputusan cemerlang.

"Tidak hanya memberi penekanan dalam bidang akademik, pelajar kami juga mampu mencapai kecemerlangan dalam bidang kokurikulum seperti aktiviti memanah dan berkuda di peringkat negeri dan kebangsaan.

"Ia selaras dengan matlamat MTNP yang mahu melahirkan golongan hafiz yang profesional serta berupaya menerajui kepentingan agama, bangsa dan negara pada masa hadapan," katanya.

Selain itu, katanya, kecemerlangan MTNP turut dipengaruhi pembabitan secara langsung Penaungnya, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.